



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***STRATEGI PEMAHAMAN BACAAN BERASASKAN BIBLIOTERAPI
DALAM MENINGKAT PENGUASAAN PEMAHAMAN BACAAN
MURID SEKOLAH MENENGAH***

YUSFARINA MOHD YUSSOF

FPP 2014 79



**STRATEGI PEMAHAMAN BACAAN BERASASKAN BIBLIOTERAPI
DALAM MENINGKAT PENGUASAAN PEMAHAMAN BACAAN
MURID SEKOLAH MENENGAH**



**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor
Falsafah**

September 2014

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Khusus buat suami tersayang dan permata-permata hati
tercinta: Nabil, Najmi dan Iman.

Terima kasih kerana sentiasa memahami dan sanggup
berkorban. Sesungguhnya kalian pembakar semangat dan
sumber inspirasi utama, perjuangan ini.

Perjuangan menuntut ilmu ini banyak mengajarku erti
kepayahan, menghayati erti pengorbanan, kasih sayang dan
kesabaran kalian yang tiada tolok bandingnya.



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
Sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**STRATEGI PEMAHAMAN BACAAN BERASASKAN BIBLIOTERAPI
DALAM MENINGKAT PENGUASAAN PEMAHAMAN BACAAN MURID
SEKOLAH MENENGAH**

Oleh

YUSFARINA MOHD YUSSOF

September 2014

Pengerusi: Abdul Rasid Jamian, PhD

Fakulti: Pengajian Pendidikan.

Strategi peningkatan pemahaman bacaan haruslah menggabungkan aspek kognitif, metakognitif dan afektif agar proses pemahaman berorientasi pemikiran dan memperoleh kesan optimum. Kepentingan elemen afektif yang diwakili oleh konstruk nilai, sikap, motivasi dan emosi dalam mempengaruhi kecekapan proses pemahaman sememangnya tidak dapat disangkal. Namun demikian, kebanyakan strategi peningkatan pemahaman bacaan yang ada hanya menumpu kepada aspek kognitif dan metakognitif sahaja. Hal ini menunjukkan terdapatnya jurang kajian dari segi sumbangan strategi afektif terhadap penguasaan pemahaman bacaan. Justeru, pengkaji mencadangkan satu strategi pemahaman bacaan yang menggabungkan input kognitif dan afektif (tumpuan kepada konstruk emosi sahaja) dalam membantu murid memahami teks dengan lebih berkesan. Strategi yang dikenali sebagai Strategi Pemahaman Bacaan Berasaskan Biblioterapi (SP3B) ini diadaptasi daripada kaedah Biblioterapi dalam bidang pendidikan.

Sehubungan itu, objektif utama kajian ini adalah untuk menilai keberkesanan SP3B yang diberi sebagai intervensi untuk meningkatkan penguasaan Pemahaman Bacaan dan Literasi Emosi murid tingkatan dua. Kajian menggunakan reka bentuk eksperimental-kuasi dengan reka bentuk ujian pra-pasca kumpulan tidak seimbang ini melibatkan 90 orang murid, iaitu ($n=45$, Kumpulan Eksperimen) dan ($n=45$ Kumpulan Kawalan). Kajian yang menggabungkan aspek kuantitatif dan kualitatif ini menonjolkan cara pengutipan data utama melalui instrumen Ujian Pemahaman Bacaan (UPB) untuk mengukur pencapaian pemahaman bacaan dan penggunaan Ujian Penilaian Literasi Emosi (UPLE) bertujuan menilai penguasaan Literasi Emosi. Pengutipan data kualitatif melalui Lembaran Grafik iaitu Pemetaan Cerita (PC), Jurnal Refleksi Emosi Kendiri (JREK) dan Sesawang Emosi (SE) sebagai pelengkap atau sokongan kepada dapatan kuantitatif.

Dapatan Analisis Manova Sehala bagi data Ujian Pra mendapati tiada perbezaan signifikan bagi kumpulan kawalan dan eksperimen dari segi gabungan linear pembolehubah bersandar (UPB dan UPLE) ketika Ujian Pra. Dengan nilai $F=(0.5,87)=2.000$, nilai sig ($p=0.608$), Wilk Lambda=0.989, nilai eta=0.011. Analisis keputusan Antara Subjek pula mendapati bahawa gabungan linear kedua-dua pembolehubah adalah melebihi aras signifikan

(UPB, $\alpha=0.579$ dan UPLE, $\alpha=0.401$). Hal ini bermaksud tiada perbezaan bagi kedua-dua kumpulan kawalan dan eksperimen dari segi gabungan linear pembolehubah bersandar (UPB dan UPLE) semasa Ujian Pra. Seterusnya Analisis MANOVA Sehalu menunjukkan terdapat perbezaan eksperimen dari segi gabungan yang signifikan bagi kumpulan kawalan dan linear pembolehubah bersandar (UPB dan UPLE) ketika Ujian Pasca, $F=(6,87)=6.476$, nilai sig ($p=0.002$), Wilk Lambda=0.87, nilai eta=0.130. Keputusan analisis Antara Subjek menunjukkan bahawa kedua-dua pembolehubah mencapai aras signifikan (UPB, $\alpha=0.027$ dan UPLE, $\alpha=0.003$). Hal ini jelas menunjukkan kesan intervensi terhadap skor UPB dan UPLE ketika Ujian Pasca.

Secara khususnya keberkesanan intervensi dapat ditunjukkan melalui analisis Anova (Mixed Design) yang ditadbirkan terhadap skor UPB dan UPLE. Interaksi ujian/masa dengan kumpulan terhadap UPB, menunjukkan nilai Wilk Lambda=0.525, nilai signifikan (p)=0.000, $F=(1,88)=79.7$ dengan kumpulan eksperimen ($M=59.63$) lebih tinggi berbanding kawalan ($M=55.34$). Skor UPLE pula memperoleh nilai tidak signifikan, dengan nilai Wilk Lambda=0.977, nilai signifikan (p)=0.154, $F=(1,88)=2.067$. Walau bagaimanapun, bagi keputusan UPLE, analisis Ujian Antara Kumpulan telah memperoleh nilai signifikan 0.005, dengan skor Min lebih tinggi dikesan bagi kumpulan eksperimen ($M=95.20$) berbanding kawalan ($M=88.20$). Data analisis ANOVA Reka bentuk Campuran memperlihatkan bahawa SP3B memberi manfaat kepada kumpulan Eksperimen dari segi mempertingkatkan skor UPB dan UPLE.

Analisis MANOVA bagi gabungan konstruk UPB dan UPLE Ujian Pra mendapati keputusan signifikan, nilai $F=3,82=4.73$, $p=0.002$, Wilk Lambda=0.762, dan nilai eta=0.238. Manakala perincian dapatan analisis konstruk berdasarkan Ujian Kesan Antara Konstruk mendapati hanya dua konstruk UPB yang signifikan semasa Ujian Pra iaitu, konstruk Penilaian, UPB= $(p=0.023)$ dan Penghargaan, UPB= $(p=0.012)$. Manakala Analisis MANOVA Sehalu bagi keputusan Ujian Pasca menunjukkan perbezaan yang signifikan bagi kumpulan kawalan dan eksperimen dari segi gabungan konstruk tersebut ($F=3,82$)=3.194, $p=0.005$, Wilk Lambda=0.786, nilai eta=0.214 mencapai nilai signifikan. Analisis Kesan Antara Subjek (Konstruk) mendapati tiga konstruk yang mencapai aras signifikan ialah Literal, UPB ($p=0.011$), Kesedaran Emosi, UPLE ($p=0.008$) dan Kesedaran Emosi Individu Lain, UPLE (0.002). Ini bermaksud perbezaan yang signifikan antara dua kumpulan ini semasa Ujian Pasca hanyalah bagi konstruk Literal, UPB dan Kesedaran Emosi serta Kesedaran Emosi Individu Lain bagi konstruk UPLE.

Ini juga disokong oleh data kualitatif yang menunjukkan SP3B dapat meningkatkan aspek pemahaman bacaan terutamanya bagi aras kognitif rendah (literal) dan aras kognitif tinggi (inferensi) serta aras afektif. Di samping dapat menerapkan kebolehan memahami emosi sendiri, mengekspresi emosi sendiri serta membantu memahami emosi individu lain yang kesemuanya merupakan konstruk atau subkomponen UPLE. Rumusnya, kajian ini membuktikan intervensi strategi kognitif-afektif dalam Pemahaman Bacaan dapat meningkatkan aspek kognitif (penguasaan Pemahaman Bacaan) dan aspek afektif iaitu Literasi Emosi murid.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
Fulfilment of the requirement for the Degree of Doctor of Philosophy

**A BIBLIOTHERAPY-BASED READING COMPREHENSION STRATEGY
IN ENHANCING PUPIL'S READING COMPREHENSION MASTERY.**

By

YUSFARINA MOHD YUSSOF

September 2014

Chair: Abdul Rasid Jamian, PhD
Faculty: Educational Studies.

Reading comprehension enhancement strategy should combine cognitive, metacognitive and affective aspects in order to optimize the effect of thinking-oriented comprehension process. The affective element, represented by value, attitude, motivation and emotion constructs, is very important in influencing the efficacy of comprehension process efficacy. However, most of the reading comprehension strategies available focus mainly on the cognitive and metacognitive aspects. There is a research gap pertaining to affective strategy contribution towards reading comprehension mastery. Thus, the researcher suggests a reading comprehension strategy that unifies cognitive and affective inputs (concentrating on only emotion construct) in helping students to better understand the text. The strategy known as Bibliotherapy Based Reading Comprehension Strategy (BBRCS) is adapted from bibliotherapy-in-education method.

Hence, the main objective of this research is to evaluate the BBRCS effectiveness as an intervention in enhancing the Form Two students' Reading Comprehension and Emotional Literary mastery. This quasi-experimental study with the non-equivalent pre/post-tests design study involves 90 students, basically (n=45, Experimental Group) and (n=45 Control Group). This study, which combines both quantitative and qualitative designs, gathers the quantitative as the main data, via Reading Comprehension Test (RCT) to measure reading comprehension achievement, whereas, Emotional Literacy Assessment Test (ELAT) is used to evaluate Emotional Literacy mastery. Qualitative data are collected using Graphic Sheet namely Story Mapping (SM), Self-Emotional Reflection Journal (SERJ) and Emotional Web (EW) and are used to support quantitative finding.

The One-Way MANOVA Analysis for the Pre Test reveals no significant difference for both control and experimental groups in terms of the combined variables (RCT and ELAT) during Pre Test, with the values of $F(0.5,87)=2.000$, sig ($p=0.608$), Wilk's Lambda=0.989, eta=0.011. The analysis on Inter-Subject Analysis results shows that the linear combination for both variables exceeds significant level (RCT, $\alpha=0.579$ and ELAT, $\alpha=0.401$). This means no significance difference for both control and experimental group in terms of the variables combination (RCT and ELAT) during Pre Test. However, the One-Way MANOVA Analysis displays

significant difference between control and experimental groups in terms of linear combination of responding variables (RCT and ELAT) during Post Test, with the values of $F(6,87)=6.476$, $\text{sig.}(p=0.002)$, Wilk's Lambda=0.87, $\eta^2=0.130$. Inter-Subject Analysis result demonstrates that both variables reach the significant level (RCT, $\alpha=0.027$ and ELAT, $\alpha=0.003$). This clearly shows the intervention effect towards ELAT and RCT scores during Post Test.

In particular, the intervention efficacy can be validated via ANOVA (Mixed Design) Analysis, administered towards RCT and ELAT scores. Test*Time interaction with group towards RCT shows the values of Wilk's Lambda=0.525, confidence (p)=0.000, $F(1,88)=79.7$ with experimental group (M= 59.63) are much higher compared to those of control (M=55.34). ELAT score, on the other hand, secures an insignificant value, where the values of Wilk's Lambda=0.977, confidence (p)=0.154, and $F(1,88)=2.067$. Nonetheless, for ELAT result, Inter-Group Test Analysis acquired 0.005 confidence value, with higher mean score detected for experimental group (M=95.20) compared to control (M=88.20). Mixed Design ANOVA analysis data show that BBRCS benefits the experimental group in terms of increasing RCT and ELAT scores.

MANOVA analysis for the Pre Test of RCT and ELAT displays significant result, with the values of $F(3,82)=4.73$, $p=0.002$, Wilk's Lambda=0.762, and $\eta^2=0.238$. Meanwhile the construct analysis finding detail discovers that the only two significant RCT constructs during Pre Test is Evaluation construct, RCT=($p=0.023$) and Appreciation construct, RCT ($p=0.012$). Whilst the One-Way MANOVA Analysis for Post Test result shows significant difference between experimental and control groups in terms of the constructs linear combination ($F(3,82)=3.194$, $p=0.005$, Wilk's Lambda=0.786, $\eta^2=0.214$ that are significance. Inter-Subject (Construct) analysis finds that the three constructs that achieve confidence level are Literal construct under RCT=($p=0.011$), and for ELAT, Emotional Awareness, construct=($p=0.008$) and Sensitivity upon Other Individual's Emotion, construct= (0.002). This means the significant difference between both groups during Post Test is only for Literal construct (RCT) and Emotional Awareness plus Sensitivity upon Other Individuals' Emotions for ELAT's construct.

This is also supported by qualitative data that reveals BBRCS help increase the reading comprehension mastery, especially for literal cognitive level, as well as higher cognitive level (inferential) and affective levels. This simultaneously trigger the skills to understand self-emotions, to express self-emotions and to help in understanding other people's emotions. In conclusion, this study proves that the cognitive-affective strategy intervention in Reading Comprehension can improve a student's cognitive (Reading Comprehension) and affective (Emotional Literacy) aspects.

PENGHARGAAN

Dengan penuh rasa rendah diri, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT yang telah memberikan cetusan Ilham dan melimpahkan ilmu pengetahuan untuk menghasilkan tesis ini. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada individu-individu yang terlibat secara langsung, berkorban masa dan tenaga dalam memastikan tesis ini dapat ditulis hingga ke penghujungnya. Ucapan ini khusus ditujukan kepada Jawatankuasa Penyeliaan Tesis yang diketuai oleh Prof. Madya (P.M) Dr. Abdul Rasid bin Jamian yang sentiasa memberi dorongan, bimbingan, dan menyediakan ruang untuk perbincangan, perdebatan serta percambahan fikiran. Tidak dilupakan, P.M. Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah dan P.M. Dr. Samsilah Roslan yang sentiasa memahami, memotivasi dan membimbing, serta memberikan kata-kata perangsang yang menjadi azimat dalam mengharungi perjalanan pengajian yang penuh onak duri ini. Semoga Allah SWT memberikan ganjaran setimpal terhadap segala bimbingan dan ilmu yang telah dicurahkan. Seterusnya, barisan pensyarah Fakulti Pengajian Pendidikan, yang tidak lokek berkongsi ilmu, tips dan memberikan inspirasi dalam mengharungi perjuangan mendapatkan segulung ijazah ini; Dr. Fadzilah Abdul Rahman, Dr. Fauzi Majid, dan Dr. Maria Chong. Para penyemak, penterjemah instrumen dan manual intervensi; Prof Dr. Mahzan Arshad (UPSI), Dr. Siti Nor Yaacob (UPM), Dr. Shamsuddin Othman (UPM), Dr. Zaidanor (IPG, Kampus Islam), Dr. Hawanum (UNITEN), Dr. Rozita Radhiah (UPM), Dr. Haji Seman Salleh (IPG KBA), Puan Fazhuda (IPG KBA), Tuan Haji Nawawi dan Encik Mohd Zin bin Rasit. Tidak ketinggalan para pensyarah yang memberikan bimbingan ilmu statistik dan penyelidikan, Prof. Dr. Kamariah Abu Bakar dan P.M. Dr. Rohani Termizi (INSPEM,UPM), Prof. Dr. Bahaman dan P.M. Dr. Lateef (IPSAS, UPM), Prof. Dr. Sahandri (UPSI), Dr. Jamil Ahmad (UKM) dan P.M. Dr. Muhammad Kamarul Kabilan (USM). Segala bantuan penyemakan inventori dan bimbingan yang diberi, dirakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih. Ucapan jutaan terima kasih ditujukan kepada para pemeriksa tesis ini Prof. Dr. Zulkifley Hamid (UKM), P.M Dr. Noor Aina Dani dan Dr. Roselan Baki (UPM). Terima kasih atas pandangan dan cadangan penambahbaikan.

Ucapan terima kasih jua untuk kakitangan Fakulti Pendidikan, kakitangan Perpustakaan UPM dan Sekolah Pengajian Siswazah UPM. Seterusnya, Bahagian Tajaan Biasiswa dan Bahagian Pendidikan Guru, KPM atas tajaan pengajian dan IPG, Kampus Bahasa Antarabangsa yang telah memberikan kemudahan cuti belajar. Tidak dilupakan, ucapan terima kasih buat Pengetua SMK Jalan 3, Bandar Baru Bangi, dan guru-guru Bahasa Melayu serta semua murid Tingkatan 2 yang terlibat dalam kajian ini.

Teristimewa ucapan terima kasih ini buat insan tersayang, suami dan putera-puteraku yang dikasihi. Terima kasih kerana sentiasa memahami, bersabar dan berkorban segenap aspek, memastikan perjuangan mengejar cita-cita ini sampai ke penghujungnya. Nukilan ini turut didedikasikan buat ibunda tercinta yang sentiasa mendoakan dan arwah bapa pencetus semangat menuntut ilmu ini. Tidak dilupakan adik-adik yang sentiasa memberikan sokongan dan kedua ibu bapa mertua atas iringan doa berterusan. Akhir kalam, kepada individu-individu yang tidak dapat dititipkan nama mereka pada ruang yang terbatas ini dan kepada insan-insan yang telah membantu secara langsung atau tidak langsung, terima kasih terhadap pertolongan yang telah diberikan. Segala bantuan, budi dan jasa serta pengorbanan kalian akan tetap terpahat di sanubari, hanya Allah SWT jua berupaya membalasnya.

Semoga dengan ilmu yang dikurniakan Allah SWT ini, menjadikan diriku insan yang lebih tawaduk dan dapat berbakti serta beramal melaluinya. Aamiin.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 3 September 2014 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Yusfarina binti Mohd Yussof bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Strategi Pemahaman Bacaan Berasaskan Biblioterapi dalam Meningkatkan Penguasaan Pemahaman Bacaan Murid Sekolah Menengah” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Hajjah Rusnani bt Abdul Kadir, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Noor Aina bt Dani, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Roselan bin Baki, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Zulkifley Hamid, PhD

Profesor
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
(Pemeriksa Luar)



ZULKARNAIN ZAINAL, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Date: 26 February 2015

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa adalah seperti berikut:

Abdul Rasid Jamian, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan,
Universiti Putra Malaysia

Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia

Samsilah Roslan, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan,
Universiti Putra Malaysia

BUJANG KIM HUAT, PhD

Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa :

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli ;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas ;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini untuk ijazah lain samada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain ;
- Hakmilik intelek dan hakciptatesis ini adalah hakmilik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012 ;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, lapuran, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012 ;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : Tarikh :

Nama dan No. Matrik :

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang nyata dalam Kardah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan

**Abdul Rasid
Jamian, PhD**

Tandatangan: _____
Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan

**Zaitul Azma Zainon
Hamzah, PhD**

Tandatangan: _____
Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan

**Samsilah Roslan,
PhD**

ISI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI GRAF	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii

BAB

1	PENGENALAN	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar belakang Kajian	2
1.2.1	Konsep Pemahaman Bacaan Aras Tinggi	2
1.2.2	Faktor-faktor Kelemahan Penguasaan Pemahaman Bacaan	4
1.2.3	Kepentingan Strategi Dalam Penguasaan Pemahaman Bacaan	5
1.2.4	Isu-isu Berkaitan Kelemahan Penguasaan Pemahaman Bacaan	6
1.3	Pernyataan Masalah	8
1.4	Objektif Kajian	10
1.4.1	Objektif Khusus	10
1.4.2	Hipotesis	11
1.5	Kerangka Konsep	12
1.5.1	Strategi Pemahaman Bacaan Berasaskan Biblioterapi (SP3B)	13
1.6	Signifikan Kajian	14
1.7	Batasan Kajian	16
1.8	Definisi Konsep dan Operasional	17
1.8.1	Penguasaan Pemahaman Bacaan	17
1.8.2	Teks Naratif	17
1.8.3	Biblioterapi (Pemahaman Bacaan Berpandu)	18
1.8.4	Strategi Kognitif	18
1.8.5	Strategi Afektif	18
1.8.6	Emosi	19
1.8.7	Kecerdasan Emosi	19
1.8.8	Literasi Emosi	19
1.8.9	Strategi	20
1.9	Rumusan	20

2	SOROTAN LITERATUR	22
2.1	Pengenalan	22
2.2	Konstruk Berkaitan Pemboleh Ubah	22
2.2.1	Konsep Aktiviti Membaca	22
2.2.2	Konsep Pemahaman Bacaan	24
2.2.3	Model-model Membaca (atas-bawah, Bawah-atas dan interaktif)	26
2.2.4	Tahap-tahap Penguasaan Pemahaman Bacaan	27
2.2.5	Proses Membaca Dari Aspek Kognitif	29
2.2.6	Proses Pemahaman Bacaan	30
2.2.7	Senario Pengajaran Pemahaman Bacaan Di Malaysia Dan Luar Negara	34
2.2.8	Strategi Kognitif dan Metakognitif	37
2.2.9	Strategi Afektif	45
2.2.10	Adaptasi Kaedah Biblioterapi Ke Dalam Proses Pemahaman Bacaan	54
2.3	Teori-teori Berkaitan	61
2.3.1	Teori Skemata	61
2.3.2	Teori Metakognitif	62
2.3.3	Teori Respon Pembaca	62
2.4	Teori Kajian	64
2.4.1	Teori Konstruktivisme Kognitif	64
2.4.2	Teori Kecerdasan Emosi (EQ)	67
2.5	Kerangka Teori	70
2.6	Rumusan	71
3	METODOLOGI	72
3.1	Pengenalan	72
3.2	Reka bentuk Kajian	72
3.3	Reka Bentuk Eksperimental-kuasi	73
3.3.1	Prosidur Pengumpulan Data Kajian	74
3.3.2	Rasional Pemilihan Reka Bentuk Kualitatif	75
3.4	Persempelan	77
3.4.1	Populasi Sasaran	78
3.4.2	Populasi Yang Diakses	80
3.4.3	Pemilihan Sampel	81
3.4.4	Penentuan Saiz Sampel	83
3.4.5	Ciri ciri Sampel	85
3.5	Kesahan Dalaman Dan Kesahan Luaran Dalam Eksperimental-kuasi	85
3.6	Instrumen	91
3.6.1	Manual SP3B Dan Manual SPBK	92
3.6.2	Manual SP3B	92
3.6.3	Manual Strategi Pemahaman Bacaan Konvensional	92
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	93
3.7.1	Kesahan Instrumen	93
3.7.2	Kebolehpercayaan Instrumen	95
3.8	Laporan Kajian Rintis	98
3.8.1	Kajian Rintis Peringkat Pertama (menguji manual sahaja)	98

3.8.2	Kajian Rintis Pusingan Kedua (menguji instrumen sahaja)	100
3.9	Analisis Data Kajian Rintis	100
3.9.1	Analisis Data Kuantitatif Ujian Rintis	101
3.9.2	Analisis Data Kualitatif	103
3.10	Rumusan Data Rintis	105
3.11	Kaedah Pengumpulan Data Sebenar	105
3.12	Proses Kajian	107
3.13	Teknik Pengumpulan Data Kajian	108
3.13.1	Teknik Pengumpulan Data Kuantitatif	108
3.13.2	Teknik Pengumpulan Data Kualitatif	108
3.13.3	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Data Kualitatif	111
3.13.4	Teknik Analisis Data	115
3.13.5	Analisis Penerokaan Data (EDA) Data Kuantitatif	118
3.14	Rumusan	122
4	DAPATAN KAJIAN	126
4.1	Pengenalan	126
4.2	Penganalisan Data	126
4.3	Objektif Kajian	127
4.4	Dapatan Kajian	128
4.4.1	Penentuan Perbezaan Antara Kumpulan Kawalan Dengan Kumpulan Eksperimen Semasa Ujian Pra	128
4.4.2	Perbezaan Antara Kumpulan Kawalan Dan Eksperimen Bagi Gabungan Dua Pembolehubah Bersandar (UPB Dan UPLE) Semasa Ujian Pasca	133
4.4.3	Keberkesanan Intervensi Strategi Pemahaman Bacaan Berasaskan Biblioterapi (SP3B) Dan Intervensi Strategi Pemahaman Bacaan Konvensional (SPBK) Dalam Meningkatkan Skor UPB	136
4.4.4	Keberkesanan Intervensi SP3B dan Intervensi Strategi Pemahaman Bacaan Konvensional (SPBK) Dalam Meningkatkan Skor UPLE	151
4.5	Rumusan Perbincangan Analisis Data	162
4.5.1	Perbezaan Skor Ujian Pra UPB dan UPLE antara Kumpulan Kawalan dengan Kumpulan Eksperimen	163
4.5.2	Perbezaan Skor Ujian Pasca UPB dan UPLE antara Kumpulan Kawalan dengan Kumpulan Eksperime	164
5	PERBINCANGAN, RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	170
5.1	Pengenalan	170
5.2	Rumusan	170
5.3	Rumusan Perbincangan Data Kajian	173
5.3.1	Keberkesanan SP3B Dalam Meningkatkan Skor UPB	174
5.3.2	Keberkesanan SP3B Dalam Meningkatkan Skor UPLE	179
5.3.3	Kemerosotan Skor Min UPLE Bagi Kumpulan Kawalan	180
5.4	Implikasi Kajian	181

5.4.1	Implikasi Teori	181
5.4.2	Implikasi Secara Praktik	185
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	187
5.6	Kesimpulan	188

RUJUKAN	191
LAMPIRAN	205
BIODATA PELAJAR	
SENARAI PEMBENTANGAN	



SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1.1	Perbandingan analisis keputusan Pemahaman dan Penulisan Bahasa Melayu, UPSR (2006-2010)	7
3.1	Reka bentuk eksperimental-kuasi kajian	73
3.2	Perbandingan analisis keputusan Pemahaman dan Penulisan Bahasa Melayu, UPSR (2007-2011)	79
3.3	Analisis Kertas Pemahaman UPSR, 2006-2011	80
3.4	Maklumat kontruk dan bilangan item UPB	94
3.5	Maklumat kontruk dan bilangan item UPLE	95
3.6	Indeks Kebolehpercayaan Instrumen	97
3.7	Tatacara Pengiraan Kelas Jeda Bagi Skor dan Min	101
3.8	Interpretasi Skor dan Min	101
3.9	Nilai min aras Pemahaman Bacaan berdasarkan Taksonomi Barret	102
3.10	Tatacara Pengiraan Kelas Jeda Bagi Skor dan Min	102
3.11	Interpretasi Skor dan Min Ujian Penilaian Literasi Emosi	102
3.12	Konstruk Literasi Emosi	103
3.13	Tema dan subtema data kualitatif	104
3.14	Pelan Tindakan Kajian Lapangan	106
3.15	Tempoh masa Temubual Individu dan Temubual Berkumpulan (Kumpulan Perbincangan Berfokus)	110
3.16	Jadual Kelayakan Penyemak	114
3.17	Jadual Kelayakan Penilai Skrip Jawapan Murid	115
3.18	Interpretasi Data Kualitatif	117
3.19	Ujian Normaliti Shapiro-Wilk	119
3.20	Rumusan Penggunaan Data Kualitatif dan Kuantitatif	123
4.1	Data Deskriptif Skor Ujian Pra (UPB dan UPLE) bagi Kumpulan Kawalan dan Eksperimen	129
4.2	Statistik Inferensi gabungan linear pembolehubah UPB dan UPLE Ujian Pra bagi Kumpulan Kawalan dengan Eksperimen	130
4.3	Analisis Antara Subjek (Pembolehubah) UPB dan UPLE bagi Ujian Pra	130
4.4	Data deskriptif Kontruk UPB dan UPLE (Ujian Pra) Kumpulan Kawalan dan Eksperimen	131
4.5	Statistik Inferensi Perbezaan Kumpulan (Kawalan dan Eksperimen) bagi gabungan linear konstruk UPB dan UPLE Ujian Pra	132
4.6	Kesan Antara Subjek (konstruk UPB dan UPLE) Ujian Pra	132
4.7	Statistik Inferensi gabungan linear UPB dan UPLE	

	Ujian Pasca, Kumpulan Kawalan dengan Eksperimen	133
4.8	Analisis Antara Subjek (Pembolehubah) UPB dan UPLE Ujian Pasca	133
4.9	Data Deskriptif Konstruk UPB dan UPLE (Ujian Pasca) Kumpulan Kawalan dan Eksperimen	134
4.10	Statistik Inferensi Perbezaan Kumpulan (Kawalan dan Eksperimen) pada gabungan linear konstruk UPB dan UPLE semasa Ujian Pasca	135
4.11	Kesan Antara Subjek (konstruk UPB dan UPLE) Ujian Pasca	135
4.12	Data Deskriptif perbandingan skor min Kumpulan Kawalan dan Eksperimen bagi UPB	137
4.13	Analisis ANOVA Reka bentuk Campuran Kesan Interaksi Ujian dengan Kumpulan terhadap skor UPB	138
4.14	Analisis ANOVA Reka bentuk Campuran Kesan Utama Ujian dan Kumpulan terhadap skor UPB	139
4.15	Tema dan subtema data UPB	143
4.16	Data Deskriptif Perbandingan Skor Min Kumpulan Kawalan dan Eksperimen bagi UPLE	152
4.17	Ujian ANOVA (Reka bentuk Campuran) menunjukkan interaksi Ujian dengan Kumpulan bagi skor UPLE	153
4.18	Analisis ANOVA Reka bentuk Campuran Kesan Utama Ujian dan Kumpulan terhadap skor UPB	154
4.19	Tema dan subtema data kualitatif	155
4.20	Tema dan subtema UPLE	157

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1.1	Kerangka Konsep	12
2.1	Proses Membaca Berdasarkan Perspektif Psikolinguistik Kognitif	24
2.2	Proses Pemahaman Bacaan	26
2.3	Taksonomi Barrett (1974)	28
2.4	5 Perspektif Mewakili 5 Lensa yang Menerangkan Transaksi antara Pembaca, Teks dan Konteks	64
2.5	Model Linear Kecerdasan Emosi (EQ)	69
2.6	Kerangka Teori	70
3.1	Model Eksperimental "Embedded"	74
3.2	Perhubungan antara populasi sasaran, populasi yang boleh diakses dan sampel	78
3.3	Prosedur Persempelan Berkelompok	82
3.4	Langkah dalam prosedur Persampelan Kebarangkalian	84
3.5	Prosedur kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	97
3.6	Proses Kajian	107
3.7	Proses Analisis Data TI dan KPB	118
3.8	Histogram	120
4.1	Gred Pemarkahan	248
5.1	Model Teori SP3B	324

SENARAI GRAF

Graf		Halaman
3.1	Taburan Plot Normal Q-Q	120
3.2	Taburan Plot Q-A Normal "Detrended"	121
3.3	Plot Kotak (Boxplot)	121
4.1	Interaksi Ujian Pra-Pasca (Ujian 1 ke Ujian 2) dengan Kumpulan (Kawalan/Eksperimen) terhadap skor (UPB)	137
4.2	Interaksi masa (1-2)/ ujian pra-pasca dengan kumpulan (kawalan/eksperimen) bagi skor UPLE	152



SENARAI SINGKATAN

UPB	Ujian Pemahaman Bacaan
UPLE	Ujian Penilaian Literasi Emosi
SP3B	Strategi Pemahaman Bacaan Berasaskan Biblioterapi
SPBK	Strategi Pemahaman Bacaan Konvensional
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
PMR	Penilaian Menengah Rendah
MANOVA	Multivariate Analysis of Variance
ANOVA	Analysis of Variance
SAPS	Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
JREK	Jurnal Refleksi Emosi Kendiri
SE	Sesawang Emosi
PC	Pemetaan Cerita
EQ	Kecerdasan Emosi
IQ	Kecerdasan Kognitif
LE	Literasi Emosi
ISPEM	Instrumen Strategi Pemahaman Membaca
KMT	Kegiatan Membaca Terarah
EFL	English Foreign Language
PB	Pembolehubah Bersandar
PTB	Pembolehubah Tak Bersandar
JERIS	Jasmani, emosi, rohani intelek dan spiritual
TI	Temubual Individu
KPB	Kumpulan Perbincangan Berfokus
EDA	Analisis Penerokaan Data

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Pemahaman bacaan merupakan aktiviti pentafsiran makna yang kompleks dan amat dipengaruhi oleh keupayaan pembaca menyempurnakan tugas membaca tersebut (Bursuck & Damer, 2007). Keberkesanan proses pemahaman bacaan ini dapat dipengaruhi strategi, iaitu, pelan tindakan yang digunakan untuk mencapai matlamat pembacaan. Dalam konteks ini, pemahaman bacaan haruslah menggabungkan strategi-strategi kognitif, metakognitif dan afektif, agar proses tersebut berorientasikan pemikiran dan seterusnya dapat memperoleh kesan optimum (Spiro, 1984; Tang dan Moore, 1992). Namun demikian, strategi-strategi pemahaman bacaan sedia ada, hanya menumpu kepada strategi kognitif dan metakognitif yang dimanfaatkan secara bergandingan, dalam menuju objektif pemahaman bacaan. Sungguhpun pada hakikatnya, strategi afektif turut berperanan dalam sesuatu proses pemahaman bacaan (Yahya Othman, 2006).

Strategi kognitif ditakrifkan Chamot dan O'Malley (1996) sebagai strategi yang membantu pelajar dalam mencapai tugas membaca dan ia disifatkan oleh Williams dan Burden (1997) sebagai proses mental berkaitan pemrosesan, penyimpanan, dapatan semula atau penggunaan maklumat. Kepentingan strategi kognitif dalam satu proses pemahaman bacaan dilihat dari segi keupayaannya membantu, memproses dan menstruktur maklumat, manakala, strategi metakognitif pula bertindak mengawal, memantau dan menguruskan tugas membaca (Shamsiri, 2010). Jelas, kedua-dua strategi penting dalam menentukan keberkesanan proses pemahaman bacaan, namun, banyak pertindanan dari segi penggunaan strategi-strategi di atas, sehingga sukar untuk mengenal pasti dan membezakan antara keduanya (Aek Phakiti, 2003).

Selain strategi kognitif dan metakognitif, strategi afektif yang diwakili oleh konstruk afektif seperti nilai, sikap, motivasi dan emosi turut mempengaruhi kecekapan sesuatu proses pemahaman bacaan. Pernyataan ini disokong oleh para sarjana yang menegaskan kepentingan strategi afektif, iaitu strategi yang memfokus kepada kepentingan konstruk seperti motivasi, minat, sikap, nilai dan emosi dalam proses pentafsiran teks (Gunning, 2008; Yopp & Yopp, 2006; Yahya Othman, 2006, Mahzan Arshad, 2008, Oxford, 1990).

Memandangkan kepentingan strategi afektif di dalam penghasilan proses pemahaman bacaan berkesan dengan hasil yang optimum, maka, keperluan mengiktirafkannya setaraf dengan strategi kognitif, adalah signifikan. Oleh itu, kajian ini mengemukakan satu strategi pemahaman bacaan yang menggabungkan kedua-dua aspek kognitif dan afektif, bawah satu strategi pemahaman bacaan. Dalam kajian ini, penggabungan strategi kognitif dan afektif adalah berteraskan prinsip asas konsep Biblioterapi dalam bidang

Pendidikan, yang ditakrifkan Newton (1969) sebagai, proses Pemahaman Bacaan Berpandu yang membawa pembaca kepada pemahaman di atas tahap literal. Dalam konteks yang sama, ia ditegaskan sebagai strategi utama untuk meningkatkan Kecerdasan Emosi (EQ) murid (Sullivan, 2003). Bagi merealisasi matlamat penguasaan pemahaman di atas tahap literal (pemahaman aras tinggi), strategi kognitif beraras tinggi telah digunakan. Demikian juga bagi tujuan meningkatkan kemahiran Kecerdasan Emosi dalam kalangan murid, strategi afektif telah diterapkan.

Strategi-strategi kognitif seperti strategi penyoalan, strategi inferensi, strategi visualisasi, strategi penilaian dan strategi mensintesis, di samping strategi afektif, (latihan mencungkil emosi dan strategi pembacaan berempati), telah digabungkan dan disesuaikan dengan prinsip asas Kaedah Biblioterapi. Keseluruhan strategi ini dikenali sebagai Strategi Pemahaman Bacaan Berasaskan Biblioterapi (SP3B), yang digunakan untuk mencapai pemahaman bacaan beraras tinggi dan menerbitkan Kecerdasan Emosi/Literasi Emosi dalam kalangan murid. Melalui satu kajian berbentuk eksperimental-kuasi, keberkesanan Strategi Pemahaman Bacaan Berasaskan Biblioterapi (SP3B) ini dalam meningkatkan penguasaan murid terhadap kedua-dua pemboleh ubah di atas akan diukur.

1.2 Latar belakang Kajian

Bahagian ini akan mengupas empat subtopik utama yang membentuk dasar kajian ini, iaitu: a) konsep pemahaman bacaan aras tinggi, b) faktor-faktor kelemahan penguasaan pemahaman bacaan, c) isu-isu berkaitan kelemahan penguasaan pemahaman bacaan dan d) kepentingan strategi dalam pemahaman bacaan.

1.2.1 Konsep Pemahaman Bacaan Aras Tinggi

Konsep umum pemahaman bacaan dapat dijelaskan sebagai keupayaan mengekod dan mentafsirkan makna perkataan serta ayat dalam menerbitkan makna teks. Namun demikian, konsep di atas hanya mencakupi takrifan pemahaman bacaan pada peringkat literal sahaja, tidak memadai untuk mengungkapkan maksud pemahaman peringkat tinggi atau pemahaman sebenar. Pemahaman sebenar menurut pandangan Goudis dan Harvey (2000) ialah proses pemahaman yang bermatlamatkan pembinaan makna teks melalui interaksi aktif antara pembaca dengan teks. Hal ini merujuk kepada keupayaan pembaca membina model mental dan mengasosiasi setiap ayat berbeza dalam membina koheren teks untuk diintegrasikan dengan pengetahuan sedia ada (skemata) bagi tujuan membina koheren global. Tuntasnya, hanya proses kompleks di atas yang dapat mewakili dan menerangkan proses pemahaman di atas tahap literal. Dalam konteks pentafsiran makna ini, skemata bertindak sebagai penyokong kepada maklumat yang baharu dicungkil daripada teks (Graesser & Trabasso, 1994; Cain & Oakhill, 2008).

Pernyataan di atas menunjukkan bahawa, proses pemahaman di atas tahap literal menumpu kepada pembinaan makna teks secara keseluruhan, melalui keupayaan kognitif pembaca mentafsir makna dengan bantuan skemata. Proses pembinaan makna ini memfokus kepada kesatuan unsur teks dalam mencapai koheren teks (koheren lokal) dan koheren global untuk menghasilkan makna keseluruhan teks. Pernyataan ini turut disokong oleh teori-teori utama pemahaman bacaan yang memfokus kepada kesepaduan unsur teks dalam mencapai matlamat utama pembacaan. Penyatuan elemen teks dalam proses mewujudkan makna ini dijangka dapat dicapai menerusi penghasilan model mental atau model situasi (Johnson & Laird, 1983; Kintsch, 1998; Cain & Oakhill, 2008).

Dalam konteks yang sama, Yuill dan Oakhill (1991) melihat kepentingan penghasilan model mental (strategi visualisasi) sebagai wahana yang dapat mewakili proses pemahaman bacaan peringkat tinggi. Pada pandangan mereka, pembaca cekap akan membina model mental tentang unsur atau situasi teks dalam membentuk Weltanschauung, realiti atau imaginasi yang mewakili unsur-unsur teks, untuk memudahkan pentafsiran makna. Namun demikian, kepentingan proses pengecaman abjad, pengekodan perkataan, pembentukan dan penyimpanan makna dalam ingatan jangka pendek serta pengujaran ayat, tidak ditolak oleh mereka. Hal ini demikian kerana, proses pemahaman bacaan peringkat tinggi tidak akan dicapai tanpa aktiviti mengekod.

Pernyataan di atas turut menegaskan bahawa, pencapaian matlamat pembacaan bergantung kepada keberkesanan integrasi skemata dengan teks semasa proses penerbitan makna teks. Dalam konteks ini, minda/kognitif dijadikan medium utama penghasilan makna teks dalam menuju pemahaman bacaan peringkat tinggi. Tegasnya, kedinamikan dan kecekapan proses pemahaman bacaan sebenarnya terletak pada peranan minda yang aktif dan konstruktif dalam menerbitkan makna. Kecekapan minda diperlukan dalam proses membina makna, dan ia dapat dirangsang melalui strategi dan aktiviti berteraskan kognitif. Berdasarkan pandangan Murphy (2002), cara meningkatkan struktur pemikiran murid adalah melalui penerapan aktiviti kognitif beraras tinggi, seperti, aktiviti pemahaman mendalam, penyelesaian masalah atau aktiviti metakognisi.

Perkara di atas turut selari dengan prinsip asas Konstruktivisme (teori asas kajian ini) yang menekan kepada aktiviti kognitif dan peralihan aras pengetahuan yang berlaku dalam proses pemahaman (Bruner, 1966). Dalam konteks pemahaman bacaan, pergerakan aras pengetahuan turut dikenali sebagai strategi kognitif (Chamot & O'Malley, 1996). Keseluruhan aktiviti dan peralihan aras kognisi yang berlangsung semasa proses pemahaman bacaan ini dapat diterangkan oleh taksonomi atau hierarki aras pemikiran yang bermula daripada aras pemikiran paling rendah (literal) hingga ke aras kognitif tinggi (contohnya inferensi).

Dalam hal yang sama, Marohaini Yusoff (1999) dan Noor Rohana Mansor (2009) menegaskan, taksonomi yang dikemukakan tokoh-tokoh seperti

Bloom, Sanders, dan Barrett, dapat dijadikan kerangka pembinaan soalan pelbagai aras kognitif. Di samping berperanan sebagai panduan kepada guru untuk mengenal pasti dan menilai aras pemikiran murid (Marohaini Yusoff, 1999). Aras pemikiran dalam taksonomi dimulai dengan aras literal (diwakili oleh kemahiran mengecam dan mengingati semula), diikuti aras inferensi, penilaian dan yang terakhir ialah aras penghargaan (afektif). Huraian di atas merujuk khusus kepada aras dalam Taksonomi Barrett (1974), iaitu, taksonomi asas bagi kajian ini. Aras literal tergolong ke dalam kategori aras pemikiran/kognitif rendah, manakala, aras inferensi dikategorikan sebagai aras pemikiran tinggi dan aras penilaian pula merupakan pertindanan antara aras pemikiran tinggi dengan aras afektif. Hal ini demikian kerana, proses penilaian melibatkan pemikiran yang rasional dan pengaruh emosi (afektif). Pernyataan yang di atas membuktikan penguasaan terhadap ranah kognitif dan afektif boleh berlaku serentak kerana kedua-duanya berada pada kontinum yang sama.

1.2.2 Faktor-faktor Kelemahan Penguasaan Pemahaman Bacaan

Masalah kelemahan atau kerendahan penguasaan pemahaman bacaan dianggap penting dan diberi fokus oleh pengkaji dari dalam dan luar negara (Paris, Lipson & Wixson, 1983; Garner, 1987; Safiah Osman, 1990; Yuill & Oakhill, 1991; Dymock, 1993; Zulkifley Hamid, 1994 & 2005; Marohaini Yusoff, 1999; Chapman & King, 2003; Blocks, 2004; Subadrah Nair, 2003; Yahaya Othman, 2004 & 2006, Mahzan Arshad, 2008; Zamri Mahamod, 2008; Premalatha Nair, 2008; Cain dan Oakhill, 2008; Noor Aina Dani dan Zaleha Abdul Rahman, 2009; Abdul Rasid Jamian, 2011).

Beberapa faktor yang dikenal pasti mempengaruhi penguasaan pemahaman bacaan, antaranya ialah, motivasi, sikap dan minat terhadap aktiviti membaca (Yuill & Oakhill, 1991; Chapman & King, 2003; Noor Aina Dani & Zaleha Abdul Rahman, 2009; Abdul Rasid Jamian, 2011). Selain itu, aras kesukaran teks, struktur sintaksis teks, kesedaran dan pengetahuan linguistik pembaca turut dikaitkan sebagai faktor yang mempengaruhi kelemahan penguasaan pemahaman bacaan (Yuill & Oakhill, 1991; Noor Aina Dani & Zaleha Abdul Rahman, 2009). Demikian juga, pengetahuan sedia ada (skemata) murid, kesesuaian strategi yang digunakan dalam proses pemahaman bacaan (Chapman & King, 2003; Noor Aina Dani, 2009) dan pemantauan terhadap strategi yang digunakan (kesedaran metakognitif) sememangnya mempengaruhi penguasaan pemahaman bacaan murid (Yuill & Oakhill, 1991).

Dalam konteks yang sama, Zulkefliy Hamid (1994; 2006) merumus tentang permasalahan pemahaman bacaan yang dikatakan berpunca daripada kegagalan ingatan jangka pendek memproses maklumat berkaitan morfologi dan sintaksis teks. Masalah berkaitan morfologi dikaitkan dengan kehadiran leksikal taksa dalam teks. Manakala, masalah sintaksis pula merujuk kepada struktur ayat kabur yang menimbulkan kesukaran untuk memproses ayat. Selain itu, masalah sendiri murid, iaitu, kekurangan kosa kata menghalang proses pemahaman teks dan integrasi maklumat teks di dalam membentuk

koheren teks. Subadrah Nair (2003) turut menjelaskan perkara sama seperti di atas, iaitu, kegagalan menguasai kemahiran membaca dan pemahaman bacaan, berpunca daripada ketidakupayaan memproses maklumat teks dalam bahasa Melayu. Murid yang tidak mampu membaca dan lemah dalam pemahaman bacaan ditakrifkan beliau sebagai murid yang bermasalah literasi dan isu ini paling serius dan ketara bagi tahap menengah rendah.

Seterusnya, Abdul Rasid Jamian (2011) yang mengkaji permasalahan membaca dalam kalangan murid sekolah rendah pula mendapati, kelemahan membaca dikaitkan dengan ketidakupayaan mengekod (kegagalan mengecam, membunyikan dan menyebut sesetengah perkataan). Pandangan yang sama dilontarkan Chapman dan King (2003) yang menegaskan, kekurangan dari aspek mengecam dan mengenal pasti perkataan dapat menjadi halangan kepada proses pemahaman. Kajian-kajian di luar negara tentang faktor-faktor kelemahan penguasaan pemahaman bacaan oleh Garner (1987), Yuill dan Oakhill (1991), serta Blocks (2004) telah mengenal pasti dua punca utama, iaitu, kekurangan kosa kata dan kelemahan mengekod. Walau bagaimanapun, dapatan kajian-kajian turut mendapati ada golongan murid yang mahir mengekod, tetapi masih tidak menguasai aspek pemahaman bacaan oleh sebab gagal mengintegrasikan idea teks dan menerbitkan makna keseluruhan teks (Garner, 1987; Yuill & Oakhill, 1991; Blocks, 2004). Dapatan di atas disokong pandangan Cain dan Oakhill (2008) iaitu, kecekapan dalam aspek bacaan mekanis dan mengekod, tidak menjamin kecekapan dalam aspek pemahaman bacaan. Hal ini antara lain menunjukkan, kemahiran mengekod sahaja tidak membantu penguasaan pemahaman bacaan, malah, kemahiran mengintegrasikan idea teks amat membantu penguasaan terhadap pemahaman aras tinggi.

Menurut pandangan Yuill dan Oakhill (1991), kerendahan daya kognitif murid dapat dikaitkan dengan kegagalan menyatukan idea teks dalam proses membina makna. Kelemahan IQ mengekang penguasaan terhadap strategi kognitif aras tinggi (seperti mengintegrasikan dan membuat inferensi). Oleh yang demikian, murid yang berpenguasaan tinggi dalam pemahaman bacaan terdiri daripada pembaca berstrategi yang dapat membina model mental (strategi visualisasi) secara rinci semasa proses pembacaan (Garner, 1987; Yuill & Oakhill, 1991; Blocks, 2004). Yuill dan Oakhill (1991) turut mengulas tentang penguasaan terhadap pemahaman bacaan aras tinggi yang dapat ditingkatkan melalui pendedahan kepada strategi terutamanya strategi kognitif beraras tinggi (strategi inferensi, visualisasi dan mensintesis).

1.2.3 Kepentingan strategi dalam penguasaan pemahaman bacaan

Berdasarkan pandangan para pengkaji luar negara, penggunaan strategi-strategi kognitif beraras tinggi ini membantu murid mengasosiasikan dan mengintegrasikan maklumat teks dengan cekap dan berkesan. Hal ini menegaskan bahawa, penguasaan terhadap pemahaman bacaan aras tinggi amat dipengaruhi oleh keupayaan kognisi dan bantuan strategi kognitif dalam memproses aktiviti-aktiviti kognisi yang berlaku dalam proses

penerbitan makna. Pandangan ini disokong oleh pengkaji tempatan, Yahya Othman (2006) yang melihat penggunaan strategi bacaan mampu meninggikan keupayaan kognitif untuk menganalisis kandungan teks dan membantu mencungkil mesej pengarang dengan berkesan. Beliau juga berpandangan, penggunaan daya kognisi melalui proses berfikir dan perancangan penggunaan strategi (strategi metakognitif) turut menggalakkan pemrosesan maklumat.

Pernyataan di atas turut selari dengan pandangan Marohaini Yusoff (1999) yang menganggap proses membaca tidak terhad kepada menjawab soalan pemahaman dan memahami makna perkataan semata-mata. Sebaliknya, ia merujuk proses pentafsiran makna teks dan penggunaan strategi dalam proses tersebut. Tegasnya, proses pemahaman bacaan yang berasaskan pembinaan makna dapat menjurus kepada pemahaman aras tinggi. Kecekapan proses pemahaman dapat dipertingkatkan melalui penggunaan strategi kognitif beraras tinggi yang membantu meningkatkan pemrosesan maklumat teks. Pandangan di atas juga disokong pendapat Harvey dan Goudvis (2000) yang menegaskan pengajaran strategi kognitif atau strategi bacaan dapat mempertingkatkan pemahaman pelajar terhadap keseluruhan teks. Oleh itu, pendedahan tentang jenis strategi, kegunaannya, serta bila dan bagaimana menggunakannya perlu diberi kepada murid-murid.

Jelas bahawa, pengetahuan dan kecekapan penggunaan strategi dapat menjadi faktor yang membezakan antara murid berpenguasaan tinggi dengan murid berpenguasaan rendah dalam pemahaman bacaan. Murid berpenguasaan tinggi bukan sahaja berupaya menggunakan himpunan strategi, malah turut mempunyai kesedaran metakognitif, yakni pengetahuan tentang proses mental yang membantu merancang, mengawal dan mengubahsuai proses pembacaan mereka (Barr, Blachowicz, Katz, & Kaufman, 2002). Manakala, murid berpenguasaan rendah, ditegaskan Blocks (2004) sebagai, tidak dapat menguasai, waima, aras pemikiran paling rendah (aras literal) sekalipun. Hasil kajian beliau mendapati, hanya 29 peratus golongan pembaca berpenguasaan rendah yang dapat mengingat semula fakta (kemahiran yang berada pada aras pemikiran literal), iaitu aras terendah dalam sesebuah taksonomi. Apatah lagi untuk menjawab soalan berbentuk inferensi, yang berada pada aras kognitif yang lebih tinggi. Tambahan pula, penguasaan terhadap kedua-dua aras literal (aras kognitif rendah) dan inferens (aras kognitif tinggi), hanya akan dicapai murid jika ia berlaku dalam sesi pembelajaran serentak.

1.2.4 Isu-isu Berkaitan Kelemahan Penguasaan Pemahaman Bacaan

Golongan yang lemah dalam pemahaman bacaan sememangnya sukar dikenal pasti guru kerana kelemahan mereka cuba ditutup dengan cara mempamerkan kecekapan mengekod. Pada hakikatnya, golongan ini tidak berupaya mengingat fakta dan mengaplikasikan maklumat sewaktu peperiksaan sehingga mengakibatkan mereka gagal memperoleh markah cemerlang (Cain & Oakhill, 2008). Tegasnya, kecekapan dalam mengekod semata-mata, tidak menjamin kecekapan dalam pemahaman bacaan.

Dalam konteks nasional, Zulkefliy Hamid (2005) mengulas tentang pencapaian murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu bagi peperiksaan awam, yang dilaporkan beliau, amat menyedihkan. Keadaan ini dikatakan berpunca daripada peratusan murid yang mencapai tahap cemerlang adalah jauh lebih kecil, berbanding peratusan yang sekadar lulus atau gagal. Jumlah peratusan murid yang mendapat kelulusan cemerlang untuk mata pelajaran Bahasa Melayu hanyalah sekitar 5 peratus sahaja. Pernyataan di atas turut disokong bukti, iaitu, hasil analisis pengkaji terhadap pencapaian Kertas Pemahaman Bahasa Melayu, Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) peringkat kebangsaan bagi tahun 2006-2010. Analisis kertas Pemahaman UPSR bagi 5 tahun menunjukkan keputusan kurang memberangsangkan dari segi peratusan yang mendapat Gred A, tidak mencecah 50 peratus pun. Di samping, keputusan yang tidak stabil, turun dan naik. Perkara ini dapat dilihat dalam jadual berikut:

Jadual 1.1 : Perbandingan analisis keputusan Pemahaman dan Penulisan Bahasa Melayu, UPSR (2006-2010)

Tahun	Bilangan calon	Peratus calon mendapat Gred A	
		Pemahaman	Penulisan
2010	370,731	43.0 peratus	49.5 peratus
2009	384,272	47.5 peratus	58.4 peratus
2008	384,876	43.6 peratus	59.8 peratus
2007	379,032	45.0 peratus	61.9 peratus
2006	376,180	44.3 peratus	58.2 peratus

(Sumber: Analisis Peperiksaan UPSR 2006-2010, Lembaga Peperiksaan Malaysia).

Perbandingan antara kertas Pemahaman dengan Penulisan peringkat UPSR, seperti dalam jadual di atas, memperlihatkan peratusan calon yang mendapat Gred A bagi kertas Pemahaman adalah lebih rendah berbanding dengan kertas Penulisan. Secara relatifnya, penguasaan Pemahaman Bacaan kurang menonjol dari segi kualiti (peratusan murid yang memperoleh Gred A) berbanding kertas Penulisan, justeru, isu rendahnya kualiti pencapaian pemahaman bacaan perlu diberi fokus. Selain kajian-kajian untuk mengenal pasti punca atau faktor-faktor kelemahan pemahaman bacaan, kajian ke arah peningkatan penguasaan pemahaman bacaan, signifikan dijalankan.

Dalam mengulas pencapaian murid untuk kertas bahasa Melayu, bagi 20 tahun ke-belakang, Zulkefliy Hamid (2005) merumus bahawa, kelemahan ketara murid berpunca daripada ketidakfahaman murid terhadap petikan, sama ada berbentuk prosa moden, klasik atau puisi. Selain itu, murid tidak membaca soalan dengan teliti, lantas tidak memahami kehendak soalan. Noor Rohana Mansor (2009) turut berpandangan sama ketika memberi komen terhadap laporan prestasi peperiksaan awam mata pelajaran Bahasa Melayu oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM). Beliau berpendapat, kelemahan murid berpunca daripada kegagalan memahami kehendak frasa

penyoalan, yang akhirnya menjurus kepada kegagalan menjawab berdasar kehendak soalan. Secara khususnya, faktor kegagalan murid dikaitkan dengan ketidakupayaan mereka menguasai soalan kognitif beraras tinggi. Dalam konteks ini, aspek pelaksanaan kurikulum pendidikan bahasa dianggap beliau kurang berjaya dalam menerapkan pemikiran aras tinggi.

Isu-isu berkaitan kelemahan pemahaman bacaan yang dikemukakan di atas, bukanlah senario baharu, malah telah wujud sekian lama, justeru, pengkaji mencadangkan fokus pembelajaran aspek pemahaman bacaan diperluaskan. Dalam konteks ini, penekanan dan sasaran pembelajaran pemahaman bacaan tidak harus dihadkan kepada pencapaian kognitif beraras rendah semata-mata, tetapi ia perlu dijuruskan kepada penguasaan kognitif pelbagai aras.

Pernyataan di atas turut selari dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan (2013-2025) yang mensasarkan murid menguasai ilmu pengetahuan beraras tinggi. Hal ini demikian kerana, situasi pengajaran pemahaman bacaan hari ini, kebanyakannya menumpu kepada penguasaan pemahaman bacaan aras kognitif rendah semata-mata. Aspek pemahaman mendalam yang dapat membawa kepada penguasaan aras kognitif tinggi tidak diberi perhatian. Pernyataan di atas disokong pandangan Yahya Othman (2004) yang melihat pengajaran pemahaman bacaan bagi sesetengah sekolah hanya menumpu kepada pemahaman tahap literal sahaja. Selain itu, menurut Yahya Othman (2004) lagi, aspek respons pembaca terhadap teks, juga tidak harus dipisahkan daripada konsep pemahaman bacaan. Berdasarkan pandangan beliau, pemahaman bacaan tidak terhad kepada pengecaman linguistik dan persefahaman kognitif sahaja, malah, respons pembaca terhadap teks, dalam bentuk kesan emosi dan aspek estetika, turut melengkapi konsep pemahaman bacaan. Hal ini telah menegaskan peranan konstruk afektif dalam sesuatu proses pemahaman bacaan.

Berlandaskan pandangan-pandangan di atas, keperluan ke arah penerapan pemahaman bacaan beraras kognitif tinggi jelas terlihat, di samping kepentingan memfokus kepada ranah afektif dalam pengajaran pemahaman bacaan. Selain itu, penggabungan kedua-dua ranah kognitif dan afektif dalam satu strategi dilihat signifikan untuk mencapai hasil optimum bagi sesuatu proses pemahaman bacaan (Tang & More, 1992).

1.3 Pernyataan Masalah

Kepentingan penggunaan strategi dalam pemahaman bacaan sememangnya tidak dapat disangkal dan pengkajian tentang strategi ini telah bermula dari dahulu hingga mutakhir ini (Pearson, Roehler & Duffy, 1992; Gunning, 2008, Graves et. al, 2007; Fauziah Hassan, 2008). Strategi pemahaman bacaan yang mewakili proses membaca dan membina makna teks oleh murid (Fauziah Hassan, 2008) jelas membantu mempercepatkan pencapaian matlamat pembacaan (Mahzan Arshad, 2008). Hal ini demikian kerana, strategi dapat meningkatkan kecekapan proses mengingati semula maklumat

(Pressley, 2000). Ia merupakan pelan fleksibel yang digunakan pembaca secara sedar dalam memahami dan mendapatkan maklumat teks (Pearson, Roehler, Dole and Duffy, 1992; Graves et.al, 2007). Penggunaannya dalam proses pemahaman bacaan membawa kelebihan dari beberapa aspek, iaitu, membantu pembentukan kerangka kognitif sebelum proses membaca, menyediakan skemata dan membantu serta mengarahkan pembaca dalam mengaitkan skemata dengan teks.

Pernyataan yang di atas juga selari dengan dapatan kajian-kajian yang menunjukkan penggunaan strategi membantu penguasaan pemahaman bacaan. Kajian-kajian tersebut mendapati, pembaca yang berstrategi, khususnya, strategi kognitif aras tinggi (Garner 1987; Yuill & Oakhill, 1991; Blocks, 2004) mempunyai penguasaan yang tinggi dalam pemahaman bacaan. Hal ini disokong oleh Spiro (1984), Tang dan Moore (1992) yang berpandangan, suatu proses pemahaman bacaan berkesan memerlukan strategi sesuai yang memfokus kepada ketiga-tiga aspek kognitif, metakognitif dan afektif untuk mencapai kesan optimum. Namun, kebanyakan strategi pemahaman bacaan terdiri daripada strategi kognitif dan metakognitif sahaja. Manakala, strategi afektif yang digunakan dalam proses pemahaman bacaan hanyalah dari aspek memotivasi dan menurunkan kebimbangan pembaca sahaja (Yahya Othman, 2006).

Pernyataan di atas menjelaskan yang strategi afektif tidak digunakan untuk meningkatkan kecekapan proses memahami teks, hanya strategi kognitif dan metakognitif sahaja yang diaplikasi dalam konteks ini. Hal ini memperlihatkan jurang kajian dari segi peranan strategi afektif dalam membantu kecekapan proses pemahaman, justeru, kajian ini mengetengahkan strategi afektif untuk digabungkan dengan strategi kognitif bawah satu strategi pemahaman bacaan. Penggunaan strategi kognitif dalam kajian ini bertujuan meningkatkan keberkesanan proses memahami teks dan seterusnya menjurus murid ke arah pemahaman bacaan beraras kognitif tinggi. Manakala, strategi afektif pula bermatlamatkan peningkatan aspek afektif murid (Kecerdasan Emosi/Literasi Emosi dalam konteks ini).

Pengenalan strategi ini bertujuan merealisasikan aspirasi Pelan Pembangunan Malaysia 2013-2015 yang berhasrat melahirkan modal insan yang mempunyai pengetahuan bertaraf antarabangsa dan mantap dari segi afektif. Hal ini hanya dapat dicapai melalui penguasaan kognitif aras tinggi dan penerapan aspek afektif yang dijalankan seiring dengan pembangunan kognitif. Penggabungan ranah kognitif dan afektif dalam satu strategi mengambilkira pandangan Weare (2004) yang mencadangkan penerapan EQ diintegrasikan dengan kurikulum. Selain itu, pengajaran pemahaman bacaan menggunakan Kaedah Biblioterapi dikatakan dapat memupuk kemahiran EQ murid (Newton, 1969; Sullivan, 2003; Iquinta & Hipsky, 2010).

Strategi gabungan kognitif dan afektif yang dikenali sebagai Strategi Pemahaman Bacaan Berasaskan Biblioterapi (SP3B) ini mengadaptasi idea asas kaedah Biblioterapi. Konsep Biblioterapi dalam bidang pendidikan ditakrifkan Newton (1969) sebagai Pemahaman Bacaan Berpandu yang

membawa murid kepada pemahaman di atas tahap literal (Newton, 1969) di samping dapat menerapkan Kecerdasan Emosi/Literasi Emosi. Strategi SP3B ini terhasil daripada gabungan prinsip asas kaedah Biblioterapi dengan strategi-strategi kognitif serta afektif. Dalam kajian ini SP3B digunakan untuk membantu penguasaan pemahaman bacaan ke aras kognitif tinggi dan menggalakkan perkembangan kemahiran Literasi Emosi murid.

1.4 Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini adalah untuk menentukan keberkesanan Strategi Pemahaman Bacaan Berasaskan Biblioterapi (SP3B) dan Strategi Pemahaman Bacaan Konvensional (SPBK) dalam meningkatkan penguasaan Pemahaman Bacaan dan Literasi Emosi murid Tingkatan 2.

1.4.1 Objektif khusus

Terdapat empat objektif khusus yang ingin dicapai melalui kajian ini, iaitu; a) menentukan perbezaan antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan semasa Ujian Pra b) menentukan perbezaan antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan semasa Ujian Pasca c) menganalisis keberkesanan intervensi SP3B dan SPBK dalam meningkatkan skor UPB d) menganalisis keberkesanan intervensi SP3B dan SPBK dalam meningkatkan skor UPLE. Perbezaan antara kedua-dua kumpulan semasa Ujian Pra dan Pasca dilihat dari dua aspek iaitu, dari segi gabungan linear kedua-dua pemboleh ubah bersandar Ujian Pemahaman Bacaan (UPB) dan Ujian Penilaian Literasi Emosi (UPLE) secara keseluruhan dan dari segi gabungan konstruk kedua-dua pemboleh ubah bersandar (UPB dan UPLE). Oleh itu kesemua objektif khusus dan pecahannya dapat digarapkan seperti yang berikut:

1. Menentukan perbezaan antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan semasa Ujian Pra.
 - 1.1 Menentukan perbezaan antara kedua-dua kumpulan bagi gabungan linear pemboleh ubah bersandar (UPB dan UPLE) secara keseluruhan.
 - 1.2 Menentukan perbezaan antara kedua-dua kumpulan bagi gabungan linear konstruk pemboleh ubah bersandar (UPB dan UPLE).
2. Menentukan perbezaan antara kumpulan eksperimen dengan kawalan semasa Ujian Pasca.
 - 2.1 Menentukan perbezaan antara kedua-dua kumpulan bagi gabungan linear pemboleh ubah bersandar (UPB dan UPLE) secara keseluruhan
 - 2.2 Menentukan perbezaan antara kedua-dua kumpulan bagi gabungan linear konstruk pemboleh ubah bersandar (UPB dan UPLE).
3. Menentukan keberkesanan intervensi Strategi Pemahaman Bacaan Berasaskan Biblioterapi (SP3B) dan intervensi Strategi Pemahaman Bacaan Konvensional (SPBK) dalam meningkatkan skor UPB.

- a) Menentukan keberkesanan SP3B dan SPBK dalam meningkatkan UPB melalui data kuantitatif
 - b) Menentukan keberkesanan SP3B dan SPBK dalam meningkatkan UPB melalui data kualitatif
4. Menentukan keberkesanan intervensi Strategi Pemahaman Bacaan Berasaskan Biblioterapi (SP3B) dan intervensi Strategi Pemahaman Bacaan Konvensional (SPBK) dalam meningkatkan skor UPLE.
- a) Menentukan keberkesanan SP3B dan SPBK dalam meningkatkan UPLE melalui data kuantitatif
 - b) Menentukan keberkesanan SP3B dan SPBK dalam meningkatkan UPLE melalui data kualitatif.

Objektif ketiga dan keempat akan dijawab oleh data kuantitatif dan kualitatif. Dalam konteks ini, data kualitatif bertindak memperluaskan dapatan kuantitatif (Cresswell, 2003), di samping mengukuhkan dan menyokong data kuantitatif (Cresswell, 2010).

1.4.2 Hipotesis

Kajian ini bertujuan menguji hipotesis-hipotesis berikut, di dalam menentukan jawapan bagi objektif kajian yang telah ditetapkan.

H₀ 1

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor min Ujian Pra bagi gabungan linear pemboleh ubah (UPB dan UPLE) secara keseluruhan, antara kumpulan Kawalan dengan Kumpulan Eksperimen.

H₀ 2:

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor min Ujian Pra bagi gabungan linear konstruk pemboleh ubah bersandar (UPB dan UPLE), antara Kumpulan Eksperimen dengan Kumpulan Kawalan.

H₀ 3:

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor min Ujian Pasca bagi gabungan linear pemboleh ubah bersandar (UPB dan UPLE) secara keseluruhan, antara kumpulan Kawalan dengan Kumpulan Eksperimen.

H₀ 4:

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor min Ujian Pasca bagi gabungan linear konstruk pemboleh ubah bersandar (UPB dan UPLE), antara Kumpulan Eksperimen dengan Kumpulan Kawalan.


H₀ 5:

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min UPB kedua-dua ujian (pra dan pasca) antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan.

H₀ 6:

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min UPLE kedua-dua ujian (pra dan pasca) antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan.

1.5 Kerangka Konsep



Rajah 1.1 : Kerangka konsep

1.5.1 Strategi Pemahaman Bacaan Berasaskan Biblioterapi (SP3B)

Strategi yang dicadangkan pengkaji memberi penekanan utama terhadap aspek kognitif dan aspek afektif (emosi) sebagai faktor yang mempengaruhi proses pemahaman bacaan dan juga sebagai output pemahaman bacaan. Dalam kajian ini, konstruk emosi sebagai output akan diukur melalui skor Literasi Emosi (EQ) dan output dari segi kognitif pula diukur melalui skor Ujian Pemahaman Bacaan.

Kajian ini mencadangkan Strategi Pemahaman Bacaan Berasaskan Kaedah Biblioterapi (SP3B) melalui penggunaan teks naratif, untuk mendapatkan kesan peningkatan tahap Pemahaman Bacaan dan juga peningkatan Literasi Emosi murid. SP3B mengandungi aktiviti terancang berasaskan pencapaian matlamat proses pemahaman bacaan. SP3B menggabungkan strategi kognitif dan afektif bawah satu strategi kerana proses pemahaman bacaan merupakan proses yang berteraskan pemikiran, manakala, aspek afektif pula dapat dijana melalui pemahaman dan penghayatan murid terhadap watak dan plot teks naratif.

Dalam kajian ini intervensi yang diberi kepada kumpulan eksperimen ialah Strategi Pemahaman Bacaan Berasaskan Biblioterapi (SP3B), manakala, kumpulan kawalan menerima Strategi Pemahaman Bacaan Konvensional (SPBK). Ujian Pra ditadbirkan sebelum intervensi dan Ujian Pasca pula dikendalikan selepas intervensi terhadap kedua-dua kumpulan kawalan dan eksperimen. Dua jenis pemboleh ubah terlibat ialah Pemboleh ubah Tidak Bersandar (PTB) dan Pemboleh ubah Bersandar (PB). Pemboleh ubah Tidak Bersandar merujuk kepada pemboleh ubah punca yang dapat mempengaruhi sesuatu kesan. Ia turut dikenali sebagai rawatan/intervensi, atau pemboleh ubah yang dimanipulasikan, pemboleh ubah penyebab atau pemboleh ubah peramal. Dalam kajian ini, Pembolehubah Tidak Bersandar (PTB) ialah strategi (Strategi Pemahaman Bacaan Berasaskan Biblioterapi-SP3B dan Strategi Pemahaman Bacaan Konvensional-SPBK) dan kumpulan merujuk kepada kumpulan eksperimen dan kawalan. Pemboleh ubah Bersandar (PB) ialah pemboleh ubah yang tertakluk kepada PTB, atau turut dikenali sebagai pemboleh ubah kriteria, pemboleh ubah hasil dan pemboleh ubah kesan (Creswell, 2003; Cohen, 2010). Dalam kajian ini Pemboleh ubah Bersandar ialah skor Ujian Pemahaman Bacaan dan skor Literasi Emosi.

Dalam kajian berbentuk eksperimental ini, kawalan dan manipulasi terhadap keadaan diberi melalui intervensi SP3B dan SPBK. Seterusnya, kesan atau pengaruh terhadap perkara yang ingin dikaji (Pemahaman Bacaan dan Literasi Emosi) akan dilihat dan diukur, untuk memastikan sejauh manakah perubahan dalam Pemboleh ubah Tidak Bersandar (PTB) dapat mengakibatkan perubahan dalam Pemboleh ubah Bersandar (PB). Dalam konteks seperti ini, bagi kajian eksperimental yang menggunakan reka bentuk tetap akan dapat mengesahkan, menyokong atau tidak menyokong sesuatu hipotesis yang telah dibina. Pemboleh ubah Tidak Bersandar (PTB) ialah Pemboleh ubah input dan Pemboleh ubah Bersandar (PB) ialah Pemboleh ubah output atau hasil. Keputusan Ujian Pasca yang diperoleh

akan mengukur Pemboleh ubah Bersandar (PB), manakala Pemboleh ubah Tidak Bersandar (PTB) akan diasingkan dan dikawal (Cohen, 2010).

1.6 Signifikan kajian

Kajian ini merupakan kajian dalam disiplin yang terhasil daripada gabungan dua bidang, iaitu, bidang psikologi dan linguistik. Disiplin yang dikenali sebagai psikolinguistik ini mengkaji perkaitan aktiviti kognisi dengan bahasa, dalam konteks kajian ini, ia merujuk kepada bahasa Melayu. Oleh sebab pengkajian dalam bidang ini lazimnya dilihat sebagai sesuatu yang kompleks, maka, amat sedikit kajian yang menyelidik hubungan antara kedua-dua bidang ini (Asmah Haji Omar, 2004). Oleh itu, pengkaji terpanggil untuk menambahkan bilangan kajian dalam bidang psikolinguistik, sebagai sumbangan kepada pihak-pihak yang dapat memanfaatkannya. Hasil kajian dalam bidang ini dikatakan mempunyai nilai terapan yang tinggi dalam pelbagai aspek kehidupan manusia (Zulkifley Hamid, Ramli Md. Salleh & Rahim Aman, 2007). Walau bagaimanapun, perbincangan tentang kepentingan kajian ini akan mengkhusus kepada manfaat bidang psikolinguistik terhadap dua golongan utama yang terlibat dengan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu, iaitu, murid dan guru serta manfaat kepada bahasa Melayu sendiri.

Berdasarkan pandangan ahli-ahli psikolinguistik, pengetahuan bahasa murid diperoleh dengan dua cara, iaitu, secara pemerolehan dan menerusi pembelajaran (Zulkefliy Hamid, 2011). Melalui kajian ini, pengetahuan tentang strategi pemahaman bacaan didedahkan kepada murid melalui proses pembelajaran dalam kelas. Pengkaji berpandangan kajian tentang strategi pemahaman bacaan ini signifikan dijalankan kerana, salah satu faktor kelemahan murid dalam aspek pemahaman bacaan dikenal pasti berpunca daripada kegagalan mengamalkan strategi yang sesuai dan berkesan (Dymock, 1993; Noor Aina Dani & Zaleha Abdul Rahman, 2009). Strategi berkesan berdasarkan pandangan (Spiro, 1984; Tang dan Moore, 1992) ialah strategi yang memberi tumpuan seimbang pada ranah kognitif, metakognitif dan afektif. Penggunaan strategi yang seimbang penting kerana ia dapat membantu proses pemahaman bacaan berkesan dan seterusnya menggalakkan penguasaan pemahaman bacaan beraras tinggi. Pemahaman aras tinggi dalam konteks ini adalah merujuk kepada Taksonomi Barret. Seperti yang dimanifestasikan oleh hierarki aras pemahaman dalam Taksonomi Barret, aras kognitif rendah ialah aras literal, diikuti dengan aras inferensi, penilaian dan aras yang tertinggi ialah aras afektif. Penguasaan terhadap pemahaman aras tinggi perlu kerana ia akan dapat meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan murid. Seterusnya dapat membantu merealisasikan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan (2013-2025), iaitu, untuk melahirkan modal insan bertaraf antarabangsa.

Kajian tentang strategi pemahaman bacaan SP3B ini juga penting kepada murid kerana ia dapat menemukan faedah terhadap aktiviti membaca, terutamanya, terhadap teks berbentuk naratif. Hal ini juga merupakan sebahagian daripada usaha merealisasikan matlamat Sukatan Pelajaran

Bahasa Melayu (2002) yang bermatlamatkan murid untuk memahami dan menaakul pelbagai bahan ilmu, sama ada berbentuk naratif atau ekspositori. Pengenalan strategi ini juga diharapkan dapat memotivasi murid untuk membaca, memahami dan menghayati teks naratif. Pendedahan dan pengamalan terhadap strategi ini menambah peluang apresiasi murid terhadap teks naratif. Dalam konteks bacaan ekstensif, murid akan mempraktikkan SP3B melalui penghayatan terhadap teks sehingga menimbulkan kesan afektif (emosi dan estetika). Keadaan ini selain membuatkan murid lebih bermotivasi untuk membaca, akan membawa impak yang lebih besar dan berterusan, dari segi menikmati aktiviti pembacaan sebagai aktiviti senggang berfaedah dan juga untuk tujuan pembelajaran sepanjang hayat.

Kesignifikanan kajian ini juga jelas dari segi menyediakan maklumat kepada para guru tentang kaedah pengajaran pemahaman bacaan yang baharu. Perkara ini selari dengan pandangan Yahya Othman, Roselan Baki dan Naffi Mat (2009), yang melihat kajian tentang pengajaran pemahaman signifikan dalam proses penyediaan kriteria panduan keberkesanan pengajaran. Pengenalan SP3B turut menyumbang kepada kepelbagaian strategi yang boleh dimanfaatkan guru dalam pengajaran pemahaman bacaan, terutamanya, bagi pengajaran pemahaman bacaan yang melibatkan teks naratif. Tambahan pula strategi ini menjurus ke arah penguasaan pemahaman bacaan aras tinggi. Pengenalan strategi ini juga dapat mengelak kejumudan dalam kaedah pengajaran pemahaman bacaan hari ini. Pernyataan yang di atas selari dengan pandangan Habibah Elias, Abdul Rasid Jamian dan Yahya Othman (2003) yang menyarankan guru-guru mencari pendekatan pengajaran yang sesuai, kreatif dan inovatif dan memastikan penglibatan aktif murid dalam pemilihan bahan bantu mengajar.

Idea penerapan kemahiran Kecerdasan Emosi/Literasi Emosi dalam mata pelajaran bahasa Melayu ini, didasari pandangan Weare (2004) yang mengesyorkan integrasi EQ dengan kurikulum melalui mata pelajaran tertentu. Di samping, mengambilkira saranan Cornwell dan Bundy (2009) yang melihat guru sebagai individu penting dalam menyalurkan pengalaman dan pendidikan EQ secara formal dan tidak formal. Dalam konteks pemahaman bacaan bahasa Melayu, penerapan EQ melalui SP3B dijalankan mengguna teks naratif sebagai wahana proses pemahaman bacaan. Guru berperanan memandu murid agar mereka dapat mengaitkan pembacaan dengan perkara-perkara kompleks berkaitan kognisi dan emosi melalui Strategi Pembacaan Berempati (Blocks, 2003) dalam intervensi SP3B. Strategi yang berfokus terhadap penghayatan watak dan permasalahannya, membolehkan murid menyelami dan berempati dengan emosi watak, sehingga menimbulkan kesan emosi dan seterusnya menerbitkan keupayaan memahami dan menguruskan emosi sendiri seterusnya peka terhadap emosi individu lain.

1.7 Batasan kajian

Kajian hanya cuba membuktikan keberkesanan strategi pemahaman yang menggabungkan prinsip-prinsip asas Kaedah Biblioterapi dengan strategi kognitif dan afektif, iaitu SP3B. Keberkesanan diukur dari segi keupayaan strategi meningkatkan penguasaan pemahaman bacaan ke aras kognitif tinggi dan juga peningkatan kemahiran Literasi Emosi murid. Tahap penguasaan aras pemahaman bacaan, merujuk kepada penguasaan aras pemahaman dalam Taksonomi Barrett dan soalan-soalan pemahaman bacaan juga digubal berdasarkan aras dalam Taksonomi Barrett sahaja. Manakala, tahap kemahiran Literasi Emosi murid diukur berdasarkan skor Min Ujian Penilaian Literasi Emosi murid.

Faktor emosi tidak ditetapkan sebagai pemboleh ubah bebas atau faktor yang menentukan keberkesanan pemahaman bacaan. Sebaliknya, dalam kajian ini, aspek emosi cuba dicungkil melalui latihan afektif dan strategi pembacaan berempati. Literasi Emosi merupakan hasil yang dijangkakan daripada penggunaan latihan afektif dan strategi pembacaan berempati dan ia diukur sebagai pemboleh ubah bersandar kajian ini.

Dalam kajian ini, Kecerdasan Emosi (EQ) yang akan diukur dikenali sebagai Literasi Emosi (LE). Hal ini bermaksud, aspek EQ yang diukur juga tidak menyeluruh, hanya sebahagian konstruk mewakili EQ, yang dikenali sebagai Literasi Emosi sahaja, yang diukur. Dalam konteks ini, Literasi Emosi ditakrifkan oleh Cooper dan Sawaf (1996) sebagai pembelajaran tentang abjad, tatabahasa dan kosa kata Kecerdasan Emosi (EQ). Di samping merujuk kepada keupayaan mengenal pasti, menghormati dan menghargai perasaan sendiri. Instrumen pengukuran Literasi Emosi dinamakan Ujian Penilaian Kecerdasan Emosi (UPLE) yang diterjemah dan diadaptasi daripada *EQ Map Questionnaire* versi Cooper, R.K. & Sawaf, A (1996). *Emotional Literacy* merupakan bahagian kedua daripada empat bahagian yang terkandung dalam *EQ Map Questionnaire*. Ia telah diterjemahkan sebagai Literasi Emosi dan mengandungi tiga subskala yang telah diterjemahkan sebagai Kesedaran Emosi, Ekspresi Emosi dan Kepekaan Terhadap Emosi Individu Lain.

Keputusan kajian ini juga terbatas kepada teks naratif yang dipilih. Sejauh mana teks naratif yang dipilih dapat mencabar keupayaan kognitif dan mencungkil ranah afektif murid bagi memastikan hasil yang dijangka dapat diperolehi. Selain itu, teks naratif tersebut juga mestilah berupaya menarik minat murid, dan plotnya perlu hampir dengan pengalaman dan persekitaran murid untuk memotivasikan murid membaca teks dan melibatkan diri sepenuhnya dalam aktiviti yang dicadangkan. Hal ini penting dalam menjamin dan menentukan kejayaan intervensi yang diberi.

Kecekapan keputusan kajian turut bergantung kepada kategori murid yang dipilih. Mereka mestilah mempunyai kesediaan untuk terlibat dalam kajian ini, berminat dengan bahan bacaan yang dipilih dan tidak bersifat defensif serta bermotivasi mengikuti langkah-langkah eksperimen. Oleh itu, sampel telah

dipilih dari kelas berprestasi baik kerana murid daripada kelas berprestasi baik dikenal pasti lebih bermotivasi dari segi kehadiran ke sekolah dan penglibatan terhadap aktiviti pembelajaran. Faktor ini telah diberi pertimbangan oleh pengkaji untuk memastikan objektif kajian ini dapat dicapai.

Selain itu, kejayaan strategi ini turut bergantung kepada sikap murid dalam menilai teks naratif. Sekiranya murid membuat ramalan negatif atau andaian negatif terhadap tindakan atau situasi watak-watak dalam teks naratif sepanjang proses pemahaman bacaan, ia juga akan menjejaskan kejayaan strategi ini. Dalam kajian berbentuk eksperimental, faktor ini juga dianggap sebagai ancaman terhadap kesahan dalaman, justeru, pengkaji telah menegaskan dan memberi peringatan tentang perkara ini kepada murid sebagai langkah kawalan terhadap ancaman kesahan dalaman ini.

1.8 Definisi konsep dan operasional

Beberapa konsep dan istilah khusus yang digunakan dalam kajian ini akan dibincangkan mengikut subtopik yang berikut:

1.8.1 Penguasaan Pemahaman Bacaan

Pemahaman bacaan ialah aktiviti penerbitan makna yang menuntut peranan aktif pembaca dalam mengintegrasikan skemata mereka dengan latar linguistik penulis teks (Barr et. al, 2003; Harp & Ann, 2004), melalui bantuan strategi-strategi tertentu (Barr et. al, 2003). Dalam kajian ini, konsep pemahaman bacaan bukanlah merujuk kepada proses mengekod lambang dan memahami teks secara literal semata-mata, bahkan, ia merupakan satu proses kognitif yang rumit dan melibatkan penguasaan beberapa aras pemikiran seperti yang ditunjukkan oleh Hierarki Tahap Pemahaman. Hierarki Tahap Pemahaman Barrett (Taksonomi Barrett) dijadikan asas rujukan kajian ini kerana taksonomi tersebut dapat mengukur aras pemikiran dari peringkat kognitif paling rendah (literal) sehinggalah ke aras kognitif tertinggi, iaitu, aras penghargaan (afektif). Oleh sebab aras afektif merupakan aras tertinggi dalam Taksonomi Barret, maka, ia sesuai untuk mengukur aras pemikiran bagi proses pemahaman bacaan yang menggunakan teks naratif. Sehubungan itu, definisi operasional penguasaan pemahaman bacaan bagi kajian ini merangkumi penguasaan pemahaman bacaan dari aras kognitif rendah ke aras tinggi dan seterusnya sehingga mencapai aras afektif (merujuk kepada aras pemikiran dalam Taksonomi Barret).

1.8.2 Teks Naratif

Teks naratif ialah teks yang mempunyai struktur cerita iaitu unsur-unsur atau elemen-elemen dalam cerpen atau novel yang terdiri daripada peristiwa-peristiwa berkaitan yang melibatkan pemindahan makna daripada satu idea ke idea yang lain, sehingga berakhirnya episod (Blocks, 2003). Ciri-ciri lain bagi teks naratif menurut pandangan beliau adalah: a) dapat berdiri sendiri b)

berfungsi menghiburkan, c) kandungan skemanya tidak asing bagi pembaca, d) struktur teks yang konsisten, e) berfokus kepada motivasi, niat dan matlamat watak, f) memerlukan pembaca memahami sudut pandangan watak yang berbeza, mengambil perspektif pelbagai ketika membaca dan menggunakan inferens pragmatik dan inferens daripada pengalaman yang sama.

Teks naratif dalam kajian ini, merujuk kepada cerpen yang mempunyai kesemua ciri di atas. Pemilihan cerpen yang digunakan dalam kajian ini, adalah atas dasar untuk mendapatkan kesan penguasaan pemahaman bacaan dari aspek kognitif dan afektif, secara serentak dalam satu kajian.

1.8.3 Biblioterapi (Pemahaman Bacaan Berpandu)

Dalam bidang pendidikan, konsep tertinggi yang ditakrifkan terhadap kaedah Biblioterapi ialah, Pemahaman Bacaan Berpandu yang membawa pembaca kepada pemahaman di atas daripada tahap literal (Newton, 1969) dan ia juga dianggap sebagai strategi utama meningkatkan Kecerdasan Emosi (EQ). Dalam kajian ini, prinsip asas kaedah Biblioterapi digabungkan dengan strategi kognitif dan afektif serta diadaptasi sebagai strategi pemahaman bacaan bagi teks naratif. Melalui Strategi Pemahaman Bacaan Berasaskan Biblioterapi (SP3B) ini, aspek kognitif dan afektif murid dicungkil sewaktu proses pemahaman bacaan, dan hasil yang dijangkakan ialah peningkatan penguasaan Pemahaman Bacaan dan Literasi Emosi murid.

1.8.4 Strategi kognitif

